Prospek dan Dasar

92-98 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
99-106 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006
106-107 Dasar Monetari pada Tahun 2006
107-109 Dasar Fiskal pada Tahun 2006
107-108 *Rencana: Langkah-langkah Penting yang Diumumkan dalam Bajet Tahun 2006*
109-113 Dasar Sektor Kewangan pada Tahun 2006

Prospek dan Dasar

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Perkembangan pada Tahun 2005

Pada tahun 2005, pengembangan ekonomi global kekal pada kadar yang kukuh sebanyak 4.3%. Pertumbuhan ini masih tetap berdaya tahan meskipun dalam keadaan harga minyak yang lebih tinggi, kadar faedah yang meningkat, ketidakseimbangan yang besar dalam imbangan pembayaran dan gangguan daripada bencana alam. Meskipun ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan RR China kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan global, pemulihan di Jepun dan kawasan euro memperoleh momentum pada separuh tahun kedua, seterusnya menyediakan sokongan tambahan kepada ekonomi global. Perbelanjaan pengguna adalah mapan, diperkukuh sebahagian besarnya oleh kesan kekayaan, terutamanya daripada pasaran perumahan yang memberangsangkan di beberapa ekonomi utama. Perbelanjaan pelaburan terus berkembang, mencerminkan keadaan permintaan yang utuh, kedudukan kewangan korporat yang lebih matang dan penggunaan kapasiti yang meningkat. Sementara itu, pertumbuhan di rantau Asia kukuh pada separuh tahun kedua apabila trend meningkat kitaran elektronik global menjadi nyata. Secara keseluruhan, pertumbuhan global yang lebih tinggi dicerminkan dalam pengembangan perdagangan dunia yang berterusan, yang meningkat pada kadar yang mantap sebanyak 7%.

Permintaan global yang kukuh juga merupakan faktor penting dalam memacu harga komoditi global ke tahap lebih tinggi pada tahun 2005. Meskipun keadaan bekalan secara relatif agak terhad dan Taufan Katrina menaikkan harga minyak ke tahap yang belum pernah dicapai pada suku ketiga, prestasi pertumbuhan ekonomi global yang kukuh juga mengekalkan permintaan. Secara keseluruhan, pertumbuhan global mempamerkan daya tahan yang lebih padu terhadap kejutan tenaga, dengan sebahagian besar kesannya diimbangi oleh peningkatan produktiviti, pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan penjanaan

Jadual 3.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)			Inflasi (%)		
	2004	2005*a*	2006*r*	2004	2005*a*	2006*r*
Pertumbuhan Dunia	**5.1**	**4.3**	**4.3**	**–**	**–**	**–**
Perdagangan Sedunia	**10.3**	**7.0**	**7.4**	**–**	**–**	**–**
Negara-negara Perindustrian Utama	**3.3**	**2.6**	**2.6**	**2.0**	**2.2**	**2.0**
Amerika Syarikat	4.2	3.5	3.3	2.7	3.4	2.8
Jepun	2.3	2.8	2.5	0.0	-0.3	-0.1
Kawasan euro	2.1	1.3	1.7	2.1	2.2	1.8
United Kingdom[1]	3.2	1.8	2.0	1.3	2.1	1.9
Asia Timur	**7.9**	**7.2**	**7.0 ~ 7.2**	**3.4**	**3.1**	**3.3 ~ 3.6**
NIE Asia	**6.0**	**4.8**	**4.6 ~ 4.9**	**2.3**	**2.2**	**2.3 ~ 2.4**
Korea	4.6	4.0	5.0	3.6	2.7	3.0
China Taipei	6.1	4.1	4.3	1.6	2.3	1.7
Singapura	8.7	6.4	4.0 ~ 6.0	1.7	0.5	0.5 ~ 1.5
Hong Kong China[2]	8.6	7.3	4.0 ~ 5.0	-0.4	1.1	2.3
Republik Rakyat China	**10.1**	**9.9**	**9.4**	**3.9**	**1.8**	**3.0**
ASEAN[3]	**6.4**	**5.4**	**5.1 ~ 5.9**	**3.8**	**5.9**	**4.8 ~ 6.0**
Malaysia	7.1	5.3	6.0	1.4	3.0	3.5 ~ 4.0
Thailand	6.2	4.5	4.8 ~ 5.8	2.7	4.6	3.5 ~ 5.0
Indonesia	5.1	5.6	5.0 ~ 5.7	6.1	10.4	7.0 ~ 9.0
Filipina	6.0	5.1	5.7 ~ 6.3	6.0	7.6	8.0 ~ 8.5

[1] Berdasarkan indeks harga pengguna terharmoni Eurostat.
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit.
[3] Termasuk Singapura.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Datastream, OECD Economic Outlook, Sumber daripada pihak berkuasa negara.

kekayaan seiring dengan kecekapan tenaga yang meningkat dan penambahbaikan teknologi sepanjang tempoh dua dekad kebelakangan ini. Oleh itu, walaupun harga minyak dan komoditi yang lebih tinggi memberikan sedikit kesan atas inflasi, akibatnya agak sederhana memandangkan peningkatan produktiviti yang mapan, globalisasi pengeluaran dan kemunculan sumber bekalan yang kompetitif daripada beberapa rantau di seluruh dunia membantu mengurangkan kesan sampingannya. Persekitaran inflasi yang secara relatif terkawal membolehkan pihak berkuasa kewangan di seluruh dunia menaikkan kadar faedah secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat. Aktiviti pasaran kewangan secara umum meraih manfaat daripada keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Pasaran ekuiti di Jepun dan Eropah mencatat peningkatan yang kukuh, mencerminkan prospek bagi pemulihan ekonomi yang berterusan dan prestasi korporat yang bertambah baik. Sementara itu, kadar faedah yang meningkat di AS menyokong dolar AS berbanding dengan mata wang utama lain.

Pada tahun 2005, **AS** terus menerajui pertumbuhan di kalangan negara perindustrian utama. Pertumbuhan adalah menyeluruh, dengan momentum permintaan dalam negeri yang teguh, terutamanya hasil sumbangan yang kukuh daripada perbelanjaan penggunaan, yang disokong oleh pasaran perumahan yang melambung. Di samping itu, keadaan pasaran pekerja yang semakin bertambah baik merangsang lagi perbelanjaan pengguna. Kedudukan kewangan korporat yang mantap, perbelanjaan pelaburan berkaitan perumahan dan langkah percukaian untuk menggalakkan penghantaran balik dana mendorong pengembangan aktiviti pelaburan swasta seterusnya. Meskipun mendapat impak daripada taufan yang melanda Pantai Teluk, dan harga minyak yang mencatat tahap tertinggi, prestasi ekonomi AS terus kekal berdaya tahan pada separuh tahun kedua. Keyakinan pengguna, pasaran pekerja dan aktiviti perniagaan kembali pulih sejurus selepas impak Taufan Katrina. Dalam sektor kerajaan, defisit fiskal bertambah baik disebabkan hasil cukai yang lebih tinggi dan perbelanjaan yang berkurang sedikit. Namun begitu, permintaan dalam negeri yang kukuh berserta harga minyak yang tinggi mengakibatkan defisit akaun semasa yang semakin melebar.

Pemulihan ekonomi di **Jepun** adalah nyata sepanjang tahun 2005, disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan diperkukuh oleh permintaan luar negeri pada bahagian penghujung tahun itu. Permintaan dalam negeri di Jepun disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam pelaburan, sementara pemulihan dalam penggunaan didorong oleh perkembangan yang positif dalam keadaan pasaran pekerja. Sementara itu, prestasi eksport meningkat pada separuh tahun kedua, sejajar dengan peningkatan kitaran elektronik global.

Pemulihan ekonomi dalam **kawasan euro** lebih kukuh pada separuh kedua tahun 2005, disokong terutamanya oleh eksport yang lebih besar. Ini menyebabkan perbelanjaan pelaburan meningkat sederhana sementara pengeluaran perindustrian memperoleh momentum. Walaupun keyakinan perniagaan meningkat dengan ketara pada akhir tahun 2005, seperti yang dicerminkan oleh penunjuk German Ifo dan ZEW, sentimen pengguna kekal lemah, menggambarkan tahap pengangguran yang kekal tinggi. Namun begitu, pembaharuan berkaitan pekerja menunjukkan sedikit hasil dari segi kefleksibelan pasaran pekerja yang bertambah baik seperti yang dilihat dalam paras pekerjaan separuh masa dan kontrak yang semakin meningkat.

Sementara itu, pertumbuhan di **UK** perlahan pada tahun 2005, memandangkan pengguna dan firma mengekang perbelanjaan penggunaan dan pelaburan ekoran keadaan dalam negeri yang lebih lemah akibat pasaran perumahan yang semakin lembap.

Di rantau **Asia**, pertumbuhan kekal teguh pada 7.2% pada tahun 2005, berikutan kelembapan sektor elektronik yang lebih sederhana daripada yang dijangkakan. Namun begitu, pertumbuhan adalah sederhana sedikit berikutan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 7.9% pada tahun 2004 dalam keadaan lonjakan harga minyak, kitaran pengetatan monetari dan sedikit kelembapan dalam permintaan IT global. RR China terus menerajui pengembangan serantau dengan anggaran pertumbuhan yang disemak sebanyak 9.9%. Pertumbuhan serantau bersifat menyeluruh, didorong oleh permintaan dalam dan luar negeri.

Pada tahun 2005, eksport meningkat 20% (2004: 28.5%). Selepas sedikit kelembapan pada separuh tahun pertama, prestasi eksport meningkat pada separuh tahun kedua seiring dengan pemulihan kitaran teknologi global. Penggunaan swasta terus berkembang pada kadar yang stabil di rantau ini, dengan peningkatan pendapatan mengimbangi impak harga minyak yang lebih tinggi dan dasar monetari yang lebih ketat. Di Korea, penggunaan swasta semakin meningkat, berikutan kedudukan kewangan isi rumah yang bertambah baik sejak terletusnya gelembung kredit pada tahun 2002. Sebaliknya, pelaburan tetap meningkat pada kadar lebih sederhana di beberapa ekonomi serantau. Walau

bagaimanapun, pelaburan tetap di RR China terus berkembang dengan pesat meskipun pihak berkuasanya mengambil langkah untuk menyederhanakan pertumbuhan dalam beberapa sektor tertentu.

Lebihan akaun semasa di rantau ini terus kukuh, tetapi mempamerkan trend yang menyimpang. Lebihan di RR China ketara lebih besar, mencerminkan eksport yang berterusan kukuh, tetapi mengecil di sebilangan negara serantau tertentu disebabkan sebahagiannya oleh impak harga minyak yang tinggi. Ini, bersama-sama dengan trend dalam aliran modal mengakibatkan kadar pengumpulan rizab asing sederhana pada separuh tahun kedua.

Prospek pada Tahun 2006

Prospek ekonomi tahun 2006 adalah ke arah pengembangan global yang kekal positif. Keluaran dunia dan perdagangan dunia masing-masing diunjurkan untuk berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 4.3% dan 7.4% pada tahun 2006. Pertumbuhan global dijangka berkembang merentas ekonomi utama, dengan ekonomi Jepun dan Eropah memainkan peranan yang lebih penting. Satu lagi ciri yang ketara ialah trend pelaburan yang meningkat dengan lebih kukuh, yang dapat dilihat dalam beberapa ekonomi utama. Bagi rantau Asia, kitaran menaik elektronik global dijangka semakin pesat berikutan perbelanjaan berkaitan ICT dalam ekonomi perindustrian yang lebih tinggi dan permintaan antara rantau yang lebih kukuh. Meskipun rangsangan monetari berkurang akibat kenaikan kadar faedah, keadaan monetari terus kekal akomodatif terhadap pertumbuhan.

Graf 3.1
Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar (2005-2006)



a Anggaran
r Ramalan

Ekonomi global dijangka mengembang pada kadar yang kukuh sebanyak 4.3% pada tahun 2006, dijana oleh pertumbuhan yang lebih seimbang di semua negara perindustrian utama. Pertumbuhan akan disokong oleh peningkatan pelaburan dan kitaran elektronik di samping keadaan mudah tunai yang terus menggalakkan.

Negara Perindustrian

Pada tahun 2006, pertumbuhan ekonomi **AS** dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan tahun 2005, dengan KDNK benar meningkat 3.3%. Pelaburan dijangka muncul sebagai pemacu pertumbuhan yang lebih kukuh. Kedudukan korporat yang utuh, kapasiti penggunaan yang meningkat dan tahap inventori yang rendah dijangka mendorong perbelanjaan modal seterusnya, terutamanya bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan penaikan taraf dan penggantian ICT serta sektor tenaga bagi projek pembinaan semula pascaKatrina. Meskipun pertumbuhan dijangka menjadi sederhana sedikit akibat pasaran perumahan yang lebih lembap, namun perbelanjaan pengguna AS akan terus berkembang memandangkan peluang pekerjaan yang bertambah dan pertumbuhan pendapatan dijangka semakin kukuh pada tahun 2006. Dari segi fiskal, perbelanjaan pembinaan semula pascataufan juga dijangka bakal menyediakan lebih dorongan kepada ekonomi AS. Namun begitu, defisit akaun semasa AS yang besar dijangka semakin melebar, diburukkan lagi oleh harga minyak yang tinggi, permintaan dalam negeri yang mapan dan aliran keluar pembayaran faedah yang lebih tinggi.

Di **Jepun**, pemulihan ekonomi dijangka kekal mantap, dengan pertumbuhan pada tahun 2006 dijangka mapan dan melebihi 2% bagi tahun ketiga berturut-turut. Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu pertumbuhan, diterajui oleh pelaburan dan diiringi oleh pengembangan penggunaan swasta yang mapan. Pengembangan dalam penggunaan swasta akan

disokong oleh peningkatan yang lebih kukuh dalam keadaan pekerjaan, upah dan pendapatan, meskipun wujud kekangan akibat rancangan untuk mengurangkan elaun cukai individu dan menaikkan sumbangan pencen. Pemulihan eksport ke pasaran utama sejak separuh kedua tahun 2005 dijangka berterusan hingga ke tahun 2006. Sementara itu, pemulihan yang berterusan dalam ekonomi dalam negeri, juga dicerminkan oleh sektor perbankan dan juga pasaran aset yang bertambah baik.

Dalam **kawasan euro**, pemulihan ekonomi di Jerman, Perancis, Itali dan Sepanyol dijangka meningkat pada tahun 2006. Berikutan ekonomi Itali yang semakin bebas daripada kemelesetan dan pertumbuhan di Jerman dan Perancis yang semakin kukuh, KDNK benar secara keseluruhan, dijangka berkembang 1.7%. Namun begitu, pemulihan, terutamanya di Jerman, yang menyumbang hampir 30% kepada KDNK kawasan euro, terus disokong terutamanya oleh permintaan luar negeri memandangkan penggunaan swasta dalam negeri kekal sederhana. Sementara sentimen perniagaan bertambah baik, sentimen pengguna yang lemah serta kadar pengangguran yang masih pada tahap yang tinggi, mungkin mengekang prospek pertumbuhan dalam negeri yang lebih kukuh dalam kawasan euro.

Di **UK**, pertumbuhan KDNK benar diunjurkan kekal sederhana, dan dijangka meningkat 2% pada tahun 2006. Penggunaan isi rumah dijangka kekal lembap memandangkan hutang isi rumah telah mencapai tahap tertinggi dan kesan kekayaan daripada kenaikan harga rumah semakin berkurangan. Sungguhpun perbelanjaan kerajaan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2006, ia akan terus menyokong pengembangan ekonomi di UK memandangkan pelaburan sektor swasta kekal berhati-hati meskipun keuntungan korporat berada pada tahap yang kukuh. Walau bagaimanapun, seiring dengan pemulihan kawasan euro yang semakin bertambah baik, UK mungkin dapat meraih manfaat daripada perkembangan ini kerana eksportnya yang kebanyakannya disalurkan ke kawasan euro, mulai beransur pulih.

Walaupun pertumbuhan global pada tahun 2006 dijangka kekal pada kadar yang stabil, terdapat beberapa **risiko** yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan itu. Risiko kenaikan harga minyak yang tinggi dan berterusan pada tahap yang tinggi itu masih menjadi kebimbangan kerana imbangan bekalan-permintaan semakin ketat dan ketidakpastian geopolitik masih berterusan. Namun, harga minyak yang tinggi sahaja dijangka tidak akan menjejaskan kestabilan pertumbuhan. Kenaikan dalam inflasi yang berpanjangan, yang mungkin disebabkan oleh kenaikan harga minyak yang tinggi mungkin menghasilkan kadar faedah global yang lebih tinggi. Dalam pasaran kewangan, penjajaran semula mata wang utama yang tidak teratur boleh melembapkan aliran perdagangan dan pelaburan. Namun setakat ini, sistem dan pasaran kewangan antarabangsa telah menunjukkan peningkatan dalam kapasiti untuk menggunakan semula aliran modal secara teratur. Selain kebimbangan tersebut, penyebaran wabak selesema burung mungkin mengubah prospek global dan serantau. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman dengan SARS, negara serantau lebih bersedia untuk menangani ancaman ini.

Ekonomi Asia Timur

Sejajar dengan jangkaan peningkatan dalam perdagangan dunia dan persekitaran global yang terus menggalakkan, pertumbuhan di rantau Asia Timur diramal kekal kukuh pada 7.0 - 7.2%. Pertumbuhan akan disokong oleh pemulihan dalam sektor elektronik dan pengukuhan yang berterusan dalam permintaan dalam negeri. Pertumbuhan di RR China dijangka kekal kukuh berdasarkan sektor eksport yang menggalakkan dan langkah-langkah kerajaan untuk mengimbangi semula pertumbuhan dengan mempromosikan pembangunan luar bandar dan penggunaan swasta. Pertumbuhan di negara Asia yang lain juga diunjurkan meningkat berikutan prospek sektor eksport yang lebih positif, asas yang semakin kukuh dan prospek pelaburan yang lebih tinggi.

Pertumbuhan ekonomi Asia Timur dijangka memberangsangkan pada kadar 7.0-7.2%. Ini berdasarkan pemulihan lebih teguh dalam kitaran elektronik global dan permintaan dalam negeri yang terus kukuh.

Dalam sektor luar negeri, kitaran elektronik global dijangka menaik selepas berada pada tahap paling rendah pada pertengahan tahun 2005, dengan ini mengekalkan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam eksport serantau. Pemulihan dijangka menyeluruh, hasil permintaan yang lebih kukuh terhadap keluaran akhir utama seperti elektronik pengguna, komputer peribadi, telefon mudah alih dan peranti paparan. Sehubungan ini, perdagangan serantau bersedia untuk mendapat

Graf 3.2
Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK



a Anggaran
r Ramalan

faedah daripada pemulihan yang lebih kukuh dan pasaran dalam negeri di Jepun yang lebih terbuka.

Dalam sektor dalam negeri, permintaan agregat kekal stabil, disokong oleh asas ekonomi yang memberangsangkan dalam keadaan pertumbuhan yang terus kukuh. Generasi yang lebih muda dengan kuasa berbelanja mengikut kehendak sendiri dan cita rasa yang menjurus kepada peralatan elektronik, akan meningkatkan lagi penggunaan. Permintaan swasta akan juga mendapat manfaat daripada peningkatan sektor runcit moden yang berciri peruncit global yang besar sebagai respons kepada pola perbelanjaan yang berubah-ubah. Perkembangan positif lain termasuk potensi yang besar dalam pelancongan berikutan kenaikan dalam pendapatan, pasaran luas yang belum diterokai, terutamanya RR China dan India di samping perkembangan pesat syarikat penerbangan tambang murah. Bagi sesetengah negara, pengiriman wang oleh pekerja yang semakin meningkat memberi kesan positif dalam menyokong perbelanjaan, mengurangkan kemiskinan dan membantu pembangunan di negara asal. Sementara kadar pelaburan di banyak negara masih rendah, tanda-tanda yang wujud kebelakangan ini memberi gambaran bahawa terdapat peningkatan dalam trend pelaburan. Ini termasuk penggunaan kapasiti yang tinggi, pertumbuhan dalam import barangan modal, rancangan pelaburan untuk meningkatkan perbelanjaan infrastruktur, memulihkan semula sektor harta tanah dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan.

Pada tahun 2006, **Ekonomi Perindustrian Baru Asia** sebagai satu kumpulan dijangka mencatat pertumbuhan 4.6 - 4.9% dalam KDNK benar, disokong oleh kekukuhan permintaan dalam negeri dan eksport yang semakin meningkat. Pertumbuhan eksport dijangka semakin teguh berikutan pemulihan sektor elektronik global seterusnya.

RR China akan terus menerajui pertumbuhan di rantau ini dengan pertumbuhan KDNK benar dijangka mencapai 9.4% pada tahun 2006. Meskipun eksport akan kekal sebagai pemacu utama, permintaan dalam negeri akan memainkan peranan yang semakin penting dalam ekonomi negara itu. Khususnya, dasar cukai yang menggalakkan seperti pembaharuan cukai pendapatan dan pemansuhan cukai pertanian, dan langkah-langkah sokongan yang lain dijangka merangsang penggunaan. Tambahan pula, pembangunan luar bandar dijangka bertambah pesat, dengan pelaksanaan Program Lima Tahun RR China ke-11 pada awal tahun 2006. Namun, kebimbangan mengenai kenaikan semula dalam pertumbuhan pelaburan aset tetap dan lebihan kapasiti dalam beberapa sektor, masih lagi wujud, meskipun langkah dasar telah diambil untuk memperlahankan pertumbuhan sektor-sektor tertentu.

Di **Korea**, KDNK benar dijangka mengembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 5% pada tahun 2006. Pengembangan ekonomi dijangka didorong oleh eksport dan pemulihan dalam permintaan dalam negeri. Pemulihan dalam penggunaan swasta dijangka berterusan, hasil daripada kemajuan seterusnya dalam penstrukturan semula kedudukan kewangan sektor isi rumah, kesan kekayaan yang positif daripada pasaran saham dan pengukuhan keyakinan pengguna.

Pertumbuhan di **Hong Kong SAR**, diunjurkan pada 4 - 5%, diterajui oleh eksport dan penggunaan swasta. Pasaran pekerja yang kukuh dan upah yang meningkat di samping pasaran perumahan yang bertambah baik, dijangka menyokong perbelanjaan pengguna, lantas mengurangi impak negatif yang timbul akibat kadar faedah yang tinggi. Sementara itu, pertumbuhan KDNK benar **China Taipei** dijangka meningkat ke paras 4.3%, mencerminkan eksport yang lebih tinggi dan penggunaan dalam negeri yang stabil. Prestasi eksport mungkin bertambah baik pada tahun 2006 disebabkan peningkatan dalam sektor teknologi dan kekukuhan permintaan AS dan RR China yang berterusan.

Di **Singapura**, pertumbuhan dijangka mencapai 4 - 6%, disokong oleh permintaan global yang kukuh terhadap barangan elektronik dan pasaran pekerja yang bertambah baik, harga aset yang lebih tinggi dan ketibaan pelancong yang mapan. Dari segi industri, sektor perkilangan dijangka akan didorong oleh kapasiti

baru yang akan mula beroperasi dalam industri farmaseutikal. Pembinaan pusat peranginan bersepadu, pusat kewangan baru dan pengubahsuaian kawasan membeli belah dijangka merangsang pertumbuhan aktiviti pembinaan, iaitu pengembangan yang pertama bagi sektor ini dalam tempoh tujuh tahun.

Sebagai satu kumpulan, ekonomi **ASEAN-4**[1] dijangka berkembang 5.3 - 5.9% pada tahun 2006. Pertumbuhan di **Indonesia** dijangka sederhana sedikit dalam julat 5 - 5.7%. Perbelanjaan pengguna akan terus disokong oleh guna tenaga yang stabil dan pendapatan boleh guna yang meningkat dalam persekitaran kadar inflasi dan kadar faedah yang lebih tinggi. Satu lagi faktor pertumbuhan yang utama ialah peningkatan pelaburan, berikutan langkah-langkah untuk menyokong perbelanjaan infrastruktur dan kemajuan pembaharuan rangka kerja pengawalseliaan dan undang-undang percukaian yang berterusan bagi memperbaiki iklim pelaburan. Di **Thailand**, pertumbuhan KDNK benar dijangka kekal sekitar 4.8 - 5.8%. Pengembangan ekonomi akan disokong oleh pemulihan industri elektronik global, seiring dengan prospek untuk eksport pertanian yang lebih tinggi berikutan cuaca yang bertambah baik dan pemulihan dalam industri pelancongan. Sementara itu, pelaburan juga dijangka meningkat dengan perlaksanaan projek mega bagi beberapa tahun yang akan datang. Pertumbuhan KDNK benar di **Filipina** pula diunjurkan berkembang 5.7 - 6.3%. Keluaran pertanian dijangka kembali pulih daripada kesan buruk musim kemarau tahun 2005, sementara penggunaan swasta dijangka dapat dikekalkan oleh aliran masuk kiriman wang yang kukuh daripada pekerja di luar negara. Jurang fiskal diunjurkan terus mengecil kepada 2.2% daripada KDNK pada tahun 2006 berikutan pengenalan cukai ditambah yang diperluaskan.

Meskipun harga minyak yang tinggi masih menjadi punca kebimbangan, impaknya terhadap rantau ini, sehingga kini, agak sederhana. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi kekal disebabkan potensi kesan sampingan daripada Indeks Harga Pengeluar terutama di negara ASEAN. Di samping itu, meskipun terdapat sedikit kenaikan harga baru-baru ini, kesan sampingan harga minyak yang lebih tinggi masih tidak sepenuhnya di beberapa negara yang memberikan subsidi bahan api.

Prospek pertumbuhan pada tahun 2006 juga terdedah pada risiko wabak selesema burung. Impak ekonomi keseluruhan dijangka kecil, jika wabak itu dibendung memandangkan sektor ayam itik mencakupi bahagian kecil KDNK bagi negara yang terjejas. Namun begitu, wujud kebimbangan bahawa *strain* selesema tersebut mungkin bermutasi ke dalam bentuk yang menyebabkan berlakunya jangkitan dari manusia ke manusia dan mengakibatkan kematian dan kos ekonomi lain yang lebih tinggi. Impaknya terhadap pertumbuhan serantau mungkin lebih ketara daripada Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) disebabkan oleh kadar mortaliti yang lebih tinggi dan penularan ke kawasan geografi yang lebih luas. Sekiranya berlaku wabak, bagi negara yang lebih terbuka perdagangannya, pergantungan pada pelancongan dan juga kepadatan penduduk yang akan paling teruk terjejas.

[1] Merujuk pada Indonesia, Thailand, Malaysia dan Filipina.

Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Mata Wang

Pada tahun 2005, **dasar monetari** di negara perindustrian utama kekal akomodatif. Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan peningkatan inflasi yang disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang semakin tinggi, beberapa bank pusat mula menaikkan kadar faedah dengan berturut-turut daripada paras yang rendah menjurus ke arah pendirian yang lebih neutral.

Di AS, dalam persekitaran pertumbuhan yang memberangsangkan dan kebimbangan terhadap tekanan inflasi, **Federal Reserve Board (Fed) AS** menaikkan kadar faedah lapan kali sebanyak 25 mata asas setiap kali sepanjang tahun 2005, menjadikan kadar *Federal Funds* 4.25% pada akhir tahun. Dalam pernyataan bulan Disember, pihak Fed memansuhkan perkataan 'akomodatif' yang sering diulang-ulang dalam pernyataan dasarnya, justeru memberi isyarat bahawa kadar telah meningkat semakin hampir kepada paras neutral daripada paras rendah 1% sejak pertengahan tahun 2004. Di kawasan euro, **European Central Bank** menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 2.25% pada bulan Disember 2005 dalam keadaan pengembangan bekalan wang dan pertumbuhan kredit bagi sektor swasta. Sebaliknya, di UK, perbelanjaan pengguna yang lebih rendah dalam keadaan pasaran perumahan yang lemah mengakibatkan **Bank of England** menurunkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 4.50% pada bulan Ogos 2005.

Sepanjang tahun 2005, dengan kadar faedah jangka pendek rasmi (kadar panggilan semalaman tanpa cagaran) hampir kosong peratus di Jepun, **Bank of Japan (BOJ)** meneruskan penggunaan langkah-langkah kelegaan kuantitatif, yang diperkenalkan lima tahun lalu, untuk menyuntik mudah tunai dalam sistem perbankan bagi membendung tekanan deflasi. Sasaran langkah kelegaan kuantitatif untuk baki akaun semasa bank perdagangan dan institusi kewangan di BOJ adalah antara 30-35 trilion yen (2001: 6 trilion yen) pada penghujung tahun 2005.

Graf 3.3
Negara-negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



Pada tahun 2005, negara serantau menaikkan kadar faedah secara menyeluruh sejajar dengan perkembangan global. Meskipun kadar kenaikannya berbeza dari satu negara ke negara yang lain, tindakan ini bertujuan untuk membendung tekanan inflasi dan membatasi kesan pusingan kedua dalam menghadapi kenaikan harga minyak di samping pemansuhan subsidi bahan api. Negara yang telah menaikkan kadar faedah termasuk Indonesia, Thailand, India, Filipina dan China Taipei. Sementara itu, Singapura mengekalkan dasar 'naik nilai sederhana dan beransur' bagi dolar Singapura.

Pada tahun **2006**, bila dan magnitud langkah dasar monetari itu bergantung pada faktor khusus bagi sesebuah negara, termasuk kekukuhan pertumbuhan ekonomi, jangkaan inflasi, pergerakan kadar pertukaran asing dan prestasi pasaran kewangan.

Sepanjang tahun 2005, dalam pasaran **pertukaran mata wang asing**, dolar AS menambah nilai dengan ketara berbanding dengan tiga mata wang utama, iaitu euro, paun sterling dan yen, lantas berubah arah daripada susut nilai yang dicatatkan pada tahun 2004. Faktor utama yang menyumbang kepada keutuhan dolar AS ialah kebezaan hasil yang memihak kepada dolar AS dan prestasi ekonomi yang secara relatif lebih kukuh di AS.

Graf 3.4
Pergerakan Dolar AS berbanding Mata Wang Utama



Secara keseluruhan, jika diukur dari sudut wajaran perdagangan[2], dolar AS menambah nilai sebanyak 3.5% sepanjang tahun 2005. Khususnya, peningkatan nilai dolar AS amat ketara berbanding dengan euro (10%), paun sterling (13%) dan yen (13%). Kadar naik nilai berganda yang dicatat oleh dolar AS berbanding dengan tiga mata wang utama adalah yang paling kukuh sejak tahun 1999. Dengan dolar AS yang lebih kukuh, euro mengakhiri tahun 2005 pada kadar E1=USD1.1849 sementara yen pula pada kadar USD1=¥117.75. Susut nilai yen juga terus terjejas oleh aliran keluar yang kukuh daripada pelabur tempatan berikutan peningkatan keinginan terhadap aset kewangan asing disebabkan keyakinan pelabur yang meningkat ekoran pemulihan ekonomi Jepun yang berterusan.

Di rantau Asia, sementara prestasi kadar pertukaran bercampur-campur, mata wang serantau terus mempamerkan kefleksibelan yang bertambah berbanding dengan dolar AS. Antara mata wang serantau, peso Filipina mencatat peningkatan nilai yang paling tinggi sebanyak 6% berbanding dengan dolar AS, disokong oleh aliran masuk kiriman wang yang tertinggi dan kedudukan fiskal negara yang bertambah baik. Won Korea dan RMB masing-masing menambah nilai kira-kira 2.6% dan 2.5% berbanding dengan dolar AS. Bagi RMB, selepas naik nilai sebanyak 2.1% berikutan perubahan dalam rejim kadar pertukaran mata wang, RMB menambah nilai lagi sebanyak 0.5%. Walau bagaimanapun, mata wang serantau lain menyusut nilai berbanding dengan dolar AS, dengan rupiah Indonesia mencatat susut nilai terbesar sebanyak 6%.

Pada tahun **2006**, pergerakan dolar AS berbanding dengan tiga mata wang utama dijangka didorong oleh beberapa faktor. Ini termasuk tanggapan pelabur terhadap kebezaan kadar faedah dan prestasi pertumbuhan, laluan ke arah penyelarasan dalam ketidakseimbangan global, prestasi pasaran ekuiti dan bon dan pembahagian semula aset global antara mata wang utama. Selain itu, isu yang berkaitan trend inflasi dan premium risiko geopolitik yang khusus bagi sesebuah negara juga boleh mempengaruhi sentimen terhadap mata wang utama.

[2] Indeks nominal menyeluruh Federal Reserve Board AS.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2006

Ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh pada tahun 2006. KDNK benar dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat, iaitu 6%, didorong oleh eksport yang kukuh dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Kitaran meningkat bagi separa konduktor global, pertumbuhan global yang mapan dan harga komoditi utama yang lebih tinggi dijangka memberikan kesan positif atas eksport serta penggunaan dan pelaburan swasta.

Penunjuk semasa menyarankan bahawa peningkatan industri separa konduktor global yang bermula pada separuh kedua tahun 2005 akan menjadi lebih pesat pada tahun 2006. Malaysia dijangka mendapat faedah daripada perkembangan yang menggalakkan

Pertumbuhan dijangka terus kukuh pada tahun 2006. KDNK benar dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat, iaitu 6% didorong oleh eksport yang kukuh dan permintaan dalam negeri yang kekal berdaya tahan. Sektor swasta akan terus menjadi pendorong utama pertumbuhan bagi tahun keempat berturut-turut.

ini dengan pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih kukuh, terutamanya dalam segmen komputer dan separa konduktor. Permintaan dalam negeri akan dipacu oleh sektor swasta buat tahun keempat berturut-turut memandangkan perbelanjaan sektor isi rumah akan kekal sebagai sumber pertumbuhan yang penting. Sama pentingnya, pengembangan yang berterusan dalam pelaburan swasta akan memastikan kemapanan pertumbuhan dalam jangka masa panjang melalui pengembangan stok modal yang produktif. Sehubungan ini, usaha akan digiatkan lagi untuk meningkatkan sumbangan pelaburan swasta kepada pertumbuhan.

Tumpuan Kerajaan akan terus diberi kepada pengukuhan kedudukan fiskal dengan matlamat utamanya untuk menyokong pertumbuhan ekonomi tanpa menjejaskan kemapanan fiskal jangka panjang. Pada tahun 2006, harga dijangka meningkat, didorong terutamanya oleh faktor tolakan kos. Namun begitu, inflasi dijangka kekal pada paras yang terurus pada tahun 2006 kerana pengembangan kapasiti dan peningkatan produktiviti ekonomi dalam negeri akan membantu membendung tekanan harga. Oleh itu, dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan. Walaupun terdapat risiko yang boleh menjejaskan pertumbuhan, asas makroekonomi yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi akan memberikan daya ketahanan ekonomi.

Permintaan Dalam Negeri

Faktor-faktor yang telah menyokong permintaan dalam negeri pada tahun 2005 dijangka terus memberi rangsangan pada tahun 2006. Permintaan dalam negeri agregat dijangka terus meningkat 5.9% pada tahun 2006, dengan perbelanjaan sektor swasta terus menjadi pendorong utama. **Penggunaan swasta** dijangka meningkat 6.8%, mengatasi kadar pertumbuhan keseluruhan buat tahun ketujuh berturut-turut. Pengguna dijangka mendapat manfaat daripada pendapatan yang lebih tinggi berikutan prospek ekonomi dan keadaan pekerjaan yang bertambah baik, serta harga komoditi utama yang lebih tinggi. Biarpun kadar faedah telah meningkat, kemampuan sektor isi rumah untuk meminjam tidak terjejas kerana kadar faedah kekal di paras yang rendah. Meskipun hutang isi rumah semakin meningkat, kemampuan sektor itu membayar balik hutang dijangka kekal mapan ekoran suasana pendapatan boleh guna isi rumah yang terus meningkat. Secara relatif, penduduk Malaysia yang terdiri daripada golongan pekerja muda lebih cenderung untuk berbelanja, seterusnya menyokong permintaan pengguna. Oleh itu, pertumbuhan penggunaan dijangka didorong terutamanya oleh pertumbuhan pendapatan dan faktor demografi, dengan keadaan kredit memainkan peranan sokongan. Walaupun pertumbuhan penggunaan kekal tinggi, nisbah penggunaan swasta semasa kepada KDNK (43.7%) di Malaysia masih merupakan antara nisbah yang terendah di dunia. Kesemua penunjuk ini memperlihatkan bahawa penggunaan swasta akan terus meningkat.

Sementara penggunaan swasta merupakan sumber penting pertumbuhan, namun **pelaburan swasta** pula memainkan peranan sokongan yang semakin kuat dalam mengekalkan pertumbuhan ekonomi untuk jangka masa yang lebih panjang. Pada tahun 2006, permintaan luar dan dalam negeri yang menggalakkan akan mendorong pelaburan swasta untuk meningkat

Sementara penggunaan swasta kekal sebagai sumber utama pertumbuhan permintaan dalam negeri, namun pertumbuhan pelaburan swasta akan lebih menyeluruh, meliputi kebanyakan sektor dalam ekonomi.

10%. Dengan kedudukan kewangan sektor korporat meningkat dengan stabil, firma-firma akan terus berupaya membiayai pelaburan mereka dengan menggunakan dana yang dijana secara dalaman. Di samping itu, keadaan pasaran kewangan terus kondusif bagi firma untuk menggunakan atau memasuki pasaran modal untuk membiayai pelaburan mereka. Menyedari betapa pentingnya pelaburan swasta dalam jangka masa panjang, usaha telah diambil untuk meningkatkan sumbangan pelaburan swasta kepada pertumbuhan. Kerajaan terus memberi penekanan terhadap penambahbaikan saluran penyampaian sektor awam dan mengambil langkah mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Insentif pelaburan khusus untuk setiap pelabur diwujudkan bagi menarik pelaburan daripada industri berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan, khususnya di bidang pertumbuhan baru dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan. Penekanan yang lebih serius telah diberi kepada pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan industri baru itu. Menyedari persaingan global yang semakin meningkat , Kerajaan juga memperhebat galakan pelaburan dalam negeri, terutamanya pelaburan oleh PKS.

Pertumbuhan pelaburan swasta dijangka lebih menyeluruh pada tahun 2006 dengan sejumlah besar perbelanjaan dijangka disalurkan kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan serta industri minyak dan gas. Perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan yang mencakupi satu pertiga daripada jumlah pelaburan swasta, dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh peningkatan dalam industri separa konduktor serta penggunaan kapasiti yang tinggi dalam sektor itu. Firma perkilangan, terutamanya industri E&E serta kimia dan keluaran kimia dijangka menambah pelaburan untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti bagi memenuhi permintaan yang lebih kukuh. Di samping itu, penekanan Kerajaan terhadap projek teknologi tinggi dan berkemahiran lebih tinggi dijangka meningkatkan pelaburan dalam projek nilai ditambah yang tinggi. Nisbah intensiti modal yang kekal tinggi bagi projek perkilangan yang diluluskan sejak tiga tahun yang lepas, yang berpurata RM324,136 (2000-2002: purata RM315,249) mencerminkan anjakan berterusan ini dalam menuju ke arah pengeluaran nilai ditambah yang lebih tinggi.

Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan yang dijangka lebih besar diperoleh daripada subsektor

Jadual 3.2
KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2005*a*	2006*r*	2005*a*	2006*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**7.3**	**5.9**	**6.6**	**5.5**
Perbelanjaan sektor swasta	9.5	7.4	5.7	4.6
Penggunaan	*9.2*	*6.8*	*4.5*	*3.4*
Pelaburan	*10.8*	*10.0*	*1.2*	*1.2*
Perbelanjaan sektor awam	3.1	3.0	0.9	0.9
Penggunaan	*5.9*	*3.2*	*0.9*	*0.5*
Pelaburan	*0.4*	*2.7*	*0.1*	*0.4*
Perubahan dalam stok			**-2.9**	**1.0**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**19.3**	**-5.4**	**1.5**	**-0.5**
Eksport	8.4	8.9	9.8	10.7
Import	7.6	10.0	8.3	11.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	**5.3**	**6.0**	**5.3**	**6.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

telekomunikasi, pengangkutan dan utiliti. Dalam subsektor telekomunikasi, pengendali telefon selular swasta dijangka terus melabur untuk meningkatkan kapasiti rangkaian dan mempertingkatkan kemudahan jalur lebar berikutan jangkaan kenaikan permintaan terhadap perkhidmatan penyiaran generasi ketiga (3G). Perbelanjaan modal dalam industri perkhidmatan pengangkutan juga dijangka bertambah terutamanya program menambah bilangan pesawat oleh syarikat penerbangan dan pembangunan kemudahan pelabuhan. Dalam sektor utiliti, perbelanjaan modal dijangka kekal tinggi hasil penambahbaikan loji rawatan air dan pengagihan yang sedang berjalan serta pembangunan loji jana kuasa yang akan beroperasi dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pelaburan dalam sektor perlombongan dijangka meningkat dengan kukuh berikutan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh syarikat minyak swasta yang beroperasi di Malaysia. Perbelanjaan untuk cari gali dan tinjauan diterajui terutamanya oleh syarikat yang terlibat dalam penerokaan laut dalam dan laut sangat dalam, manakala syarikat yang terlibat dalam penerokaan bukan laut dalam pula beralih daripada aktiviti cari gali kepada aktiviti pembangunan dan pembinaan kemudahan pengeluaran. Perbelanjaan modal dalam sektor pembinaan pula akan disokong oleh projek pembinaan jalan raya yang diswastakan yang masih berjalan dan projek-projek perumahan.

Pada tahun 2006, perbelanjaan awam dijangka meningkat sederhana apabila pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan bermula pada bulan April 2006. **Penggunaan awam** dijangka meningkat sederhana sebanyak 3.2% disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan atas bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi untuk terus memperbaiki sistem penyampaian sektor awam bagi menyokong aktiviti sektor swasta. Pengurusan perbelanjaan berhemat oleh Kerajaan memberikan kefleksibelan kepada Kerajaan untuk memberi tumpuan kepada usaha pembangunan bandar dan luar bandar. Peruntukan perbelanjaan pembangunan terbesar pada tahun 2006 adalah untuk sektor ekonomi, iaitu untuk pembangunan dan penambahbaikan sektor pertanian, industri dan infrastruktur bagi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif. Sementara itu, peruntukan perkhidmatan asas yang lebih baik, seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan, kekal sebagai agenda utama pembangunan sektor sosial. Berikutan pengembangan yang kukuh pada tahun lepas, perbelanjaan modal oleh PABK dijangka meningkat lagi pada tahun 2006, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Sejumlah besar daripada perbelanjaan modal tersebut akan dibuat oleh tiga PABK terbesar, iaitu Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM). Perbelanjaan modal PETRONAS terus dikuasai oleh aktiviti pelaburan huluannya berikutan penemuan baru medan minyak dan gas pada tahun-tahun kebelakangan ini dan termeterainya kontrak perkongsian pengeluaran baru. Penambahbaikan dan pengembangan infrastruktur telekomunikasi dan penjanaan serta pengagihan kuasa masing-masing akan menjadi aktiviti pelaburan utama bagi TM dan TNB. Hasilnya, **pelaburan awam** dijangka meningkat 2.7%.

Prospek Mengikut Sektor

Dari segi penawaran, pertumbuhan pada tahun 2006 dijangka menyeluruh dan seimbang, disokong oleh pengembangan dalam semua sektor ekonomi, termasuk pembinaan. Dua sektor utama, iaitu sektor perkilangan dan perkhidmatan akan menyumbang kira-kira 5.7 mata peratusan daripada pertumbuhan 6% dalam KDNK dan mencakupi kira-kira 90% daripada ekonomi. Pertumbuhan sektor perkilangan dijangka kukuh sejajar dengan peningkatan kitaran separa konduktor global manakala sektor perkhidmatan dijangka mengekalkan prestasi kukuh kerana sokongan aktiviti berkaitan perdagangan yang lebih tinggi, dan peningkatan yang berterusan dalam aktiviti penggunaan dan perniagaan. Sektor komoditi dijangka melihat pertumbuhan yang lebih menyeluruh dengan peningkatan dalam pengeluaran getah, minyak mentah dan segmen pertanian lain, manakala pengeluaran minyak sawit mentah akan mengalami konsolidasi selepas mencatat pertumbuhan kukuh selama tiga tahun. Sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan positif seiring dengan peningkatan dalam segmen kejuruteraan awam.

Pertumbuhan pada tahun 2006 dijangka menyeluruh dan seimbang serta disokong oleh pengembangan dalam semua sektor ekonomi, termasuk pembinaan.

Pertumbuhan nilai ditambah sektor **perkilangan** dijangka bertambah kukuh pada 7% pada tahun 2006 (2005: 4.9%). Pertumbuhan akan diterajui oleh segmen elektronik dan elektrik (E&E), dan diperkukuh lagi oleh permintaan luar negeri yang kukuh terhadap keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kimia, petroleum dan getah. Dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri, jangkaan prestasi industri berkaitan pembinaan yang bertambah baik akan terus menyokong pengembangan sektor itu.

Jadual 3.3
KDNK Benar mengikut Sektor (1987=100)

	2005a	2006*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	2.1	2.0
Perlombongan	0.8	5.0
Perkilangan	4.9	7.0
Pembinaan	-1.6	1.0
Perkhidmatan	6.5	6.0
KDNK Benar	**5.3**	**6.0**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Dalam sektor E&E, penilaian terkini mendapati bahawa pemulihan industri separa konduktor global yang bermula semenjak pertengahan tahun 2005 akan terus kukuh pada tahun 2006. Pandangan tentang kitaran menaik dalam sektor ini disokong oleh penunjuk masa hadapan seperti peningkatan dalam nisbah *book-to-bill* bagi kelengkapan separa konduktor semenjak bulan Mac 2005, dan pertumbuhan mapan dalam tempahan baru dan tempahan yang belum dipenuhi untuk elektronik di AS. Pakar industri turut berkongsi pandangan yang sama, iaitu pemulihan dijangka sederhana dan mapan, dengan jualan separa konduktor global dijangka berkembang 7.9 ~ 9.5% pada tahun 2006 dan 7 ~ 10.6% pada tahun 2007 (2005: 6.8 ~ 7%). Kitaran semasa akan disokong oleh permintaan yang memberangsangkan dari rantau Asia Pasifik, terutamanya bagi peralatan elektronik pengguna dan pelaburan berkaitan ICT yang lebih kukuh di negara perindustrian.

Kitaran menaik dalam sektor separa konduktor global pada tahun 2006 dijangka menyeluruh hasil dorongan pengembangan dalam kesemua segmen produk, termasuk komputer, alat elektronik pengguna, komunikasi dan automotif. Penggunaan cip yang lebih meluas, terutamanya dalam segmen automotif serta kandungan cip yang lebih tinggi dalam peralatan elektronik akan terus menyokong permintaan global terhadap separa konduktor. Memandangkan daya saing Malaysia yang kuat dalam segmen komputer dan separa konduktor, ini akan membolehkan Malaysia memanfaatkan pertumbuhan menyeluruh yang bakal berlaku pada tahun 2006. Pada tahun tersebut, pelaburan semula yang berterusan dalam E&E dan projek pengembangan yang dilaksanakan oleh syarikat elektronik multinasional di Malaysia akan meningkatkan kapasiti pengeluaran serta membolehkan Malaysia mendapat manfaat daripada trend menaik dalam industri separa konduktor global.

Sektor perkhidmatan akan kekal kukuh pada tahun 2006 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 6%. Pada tahun ini, pertumbuhan sektor perkhidmatan akan diterajui oleh segmen perkhidmatan pengantara, sementara segmen perkhidmatan akhir akan berkembang pada kadar sederhana sejajar dengan trend penggunaan swasta.

Dalam segmen perkhidmatan pengantaraan, jangkaan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam eksport perkilangan dan perdagangan antara rantau akan terus memperkukuh pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Apa yang penting, aktiviti berkaitan perdagangan seperti logistik dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pengangkutan seperti aktiviti pelabuhan dan pengangkutan muatan diramal menyokong pertumbuhan sektor pengangkutan. Ini juga merupakan sebahagian daripada aktiviti yang berkaitan dengan perkilangan yang akan diberi penekanan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga, yang akan dilaksanakan mulai tahun 2006 sehingga 2020. Sementara itu, industri telekomunikasi pula akan terus meningkat dengan kukuh didorong terutamanya oleh segmen selular berikutan bertambah besarnya jumlah pelanggan dan pengembangan dalam perkhidmatan generasi ketiga (3G) oleh syarikat telekomunikasi utama.

Sementara itu, permintaan bagi pembiayaan perdagangan dan jenis kredit yang lain oleh sektor perniagaan, khususnya daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dijangka meningkat sejajar dengan pertumbuhan sektor perkilangan dan aktiviti perdagangan yang pesat. Di samping produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif yang ditawarkan oleh sektor perbankan, aktiviti pemberian pinjaman yang lebih tinggi akan meningkatkan pendapatan faedah dan pendapatan berasaskan fi. Jangkaan penubuhan lebih banyak bank Islam dan syarikat takaful pada tahun 2006 akan terus meningkatkan pertumbuhan dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Usaha Kerajaan menggalakkan pertumbuhan bidang baru, seperti perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat dan perkhidmatan perkongsian serta aktiviti penggunaan sumber luar, termasuk penggunaan sumber luar bagi proses perniagaan, juga dijangka memberi hasil yang positif dan menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi dalam segmen perkhidmatan perniagaan.

Segmen perkhidmatan akhir dijangka berkembang pada kadar yang sederhana sejajar dengan aktiviti penggunaan swasta pada tahun 2006. Namun begitu, aktiviti pelancongan dijangka bertambah pesat berikutan aktiviti promosi besar-besaran oleh sektor awam dan swasta

dalam persediaan menghadapi Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007. Kerajaan meletakkan sasaran ketibaan sebanyak 17.5 juta pelancong pada tahun 2006 dan lebih dari 20 juta pelancong semasa TMM 2007 (2005: jangkaan sebanyak 16.4 juta). Hasilnya, perbelanjaan lebih tinggi oleh pelancong dan sektor isi rumah akan menyokong subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, yang dijangka berkembang pada kadar yang mapan sebanyak 6% pada tahun 2006. Sektor perkhidmatan akan terus menjadi antara pemacu pertumbuhan utama di samping sektor perkilangan, dalam menyokong pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

Sektor **pertanian** dijangka mencatat pertumbuhan 2% pada tahun 2006. Minyak sawit mentah yang mencakupi kira-kira satu pertiga daripada nilai ditambah sektor pertanian, dijangka tumbuh sebanyak 1.6% (2005: 7%). Pengeluaran dijangka terjejas oleh kitaran menurun dalam kadar hasil selepas mencapai pertumbuhan pengeluaran yang kukuh selama tiga tahun berturut-turut. Pengeluaran yang sederhana juga sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan pertambahan yang lebih perlahan dalam kawasan matang (+0.9%; 2005: 5.3%). Sebaliknya, pengeluaran getah dan pengeluaran pertanian lain dijangka pulih daripada prestasi lemah pada tahun 2005 akibat cuaca buruk. Pengeluaran getah dijangka meningkat 2.3% kepada 1.15 juta tan pada tahun 2006 kerana pekebun kecil mempergiat lagi aktiviti penorehan, didorong jangkaan harga getah yang kukuh.

Pertumbuhan dalam sektor **perlombongan** dijangka bertambah kukuh kepada 5% pada tahun 2006, didorong terutamanya oleh jangkaan peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat: 3.9%, 2005: -4.9%). Pertumbuhan juga akan disokong oleh peningkatan sederhana dalam pengeluaran gas asli pada tahun 2006 (6.9%; 2005: 11.3%) disebabkan oleh kadar penggunaan loji-loji MLNG di Sarawak hampir mencecah kapasiti penuh.

Selepas merosot selama dua tahun berturut-turut, sektor **pembinaan** dijangka pulih untuk mencatat pertumbuhan positif yang kecil sebanyak 1%, diterajui terutamanya oleh peningkatan subsektor kejuruteraan awam. Subsektor kejuruteraan awam akan disokong oleh aktiviti pembinaan yang lebih pesat dalam industri minyak dan gas serta projek awam dengan bermulanya projek baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Subsektor kediaman dan bukan kediaman dijangka berkembang lagi disokong oleh suasana pembiayaan yang menarik dan aktiviti perniagaan yang cergas. Sementara itu, subsektor kediaman dijangka berkembang sederhana berikutan pengembangan kukuh sejak beberapa tahun yang lalu. Segmen bukan kediaman pula akan terus bertambah baik, hasil persekitaran perniagaan yang menggalakkan, yang seterusnya meningkatkan kadar penghunian ruang perniagaan dan pejabat.

Harga dan Guna Tenaga

Faktor-faktor penawaran utama yang menyebabkan kenaikan inflasi pada akhir tahun 2005, iaitu harga tenaga dan komoditi bukan tenaga yang tinggi dijangka berterusan pada tahun 2006. Inflasi tolakan kos dijangka meningkat berikutan kenaikan harga produk petroleum oleh Kerajaan pada 28 Februari 2006. Tekanan permintaan juga dijangka akan meningkatkan inflasi kerana aktiviti ekonomi dalam negeri dijangka mapan pada tahun 2006. Tanpa sebarang pelarasan harga tambahan, inflasi dijangka memuncak pada separuh pertama tahun 2006. Seterusnya, inflasi mungkin akan reda pada suku ketiga tahun 2006 dengan berakhirnya kesan pelarasan harga yang dilaksanakan pada tahun 2005. Bagi tahun 2006 keseluruhannya, kadar inflasi purata dianggarkan berada dalam julat antara 3.5% hingga 4.0%.

Walau bagaimanapun, prospek inflasi masih dalam keadaan tidak menentu dengan prospek inflasi dipengaruhi oleh faktor luar negeri dan tekanan tolakan kos dalam negeri. Dengan ketiadaan kenaikan harga bahan api pada tahun ini, ketidakpastian utama adalah dikaitkan dengan kesan sekunder daripada impak sampingan beberapa kenaikan harga bahan api sebelumnya yang masih belum dialami oleh keseluruhan rangkaian bekalan. Harga minyak antarabangsa yang kekal pada paras yang tinggi mungkin memberikan tekanan ke atas kos input pengeluar dalam negeri. Kenaikan tarif elektrik yang disemak juga akan memberikan kesan kepada inflasi.

Sebahagian daripada risiko kenaikan inflasi dalam negeri mungkin dapat dikurangkan, dengan penambahbaikan struktur yang sedang dilaksanakan dalam ekonomi Malaysia. Pengembangan kapasiti

Graf 3.5
Indeks Harga Pengguna



r Ramalan

sektor perniagaan dan peningkatan produktiviti yang berterusan akan menambah potensi keluaran ekonomi dan menghindari pengetatan pasaran bagi input faktor. Persaingan yang berterusan antara perusahaan perniagaan juga akan mengurangkan tekanan inflasi.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh pada tahun 2006, pertumbuhan pekerjaan dijangka meningkat kerana lebih banyak peluang **pekerjaan** diwujudkan dalam kebanyakan sektor ekonomi. Oleh itu, pengangguran dijangka kekal rendah pada tahap 3.5%. Selain daripada usaha berterusan untuk meningkatkan produktiviti tenaga pekerja, Kerajaan juga akan terus mengkaji semula dasar mengenai pekerja dengan harapan untuk mengurangkan masalah kekurangan pekerja mahir dan merapatkan jurang antara pengeluaran sistem pendidikan dengan keperluan pasaran pekerjaan.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan imbangan pembayaran dijangka kekal mantap pada tahun 2006 dengan lebihan **akaun semasa** yang kekal besar (17.2% daripada KNK), disokong oleh imbangan perdagangan yang kukuh. Pertumbuhan eksport yang kukuh (12.5%) didorong oleh peningkatan berterusan dalam eksport perkilangan, khususnya eksport elektronik pengguna, akan menyumbang kepada lebihan akaun

Jadual 3.4
Imbangan Pembayaran

	2005*a*	2006*r*
	RM bilion	
Barangan	126.5	138.4
Akaun perdagangan	99.8	108.3
Eksport (% perubahan tahunan)	*11.0*	*12.5*
Import (% perubahan tahunan)	*8.5*	*13.4*
Perkhidmatan	-10.2	-10.3
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**116.2**	**128.1**
Pendapatan	-21.5	-23.7
Pindahan semasa	-17.0	-15.0
Imbangan akaun semasa	**77.8**	**89.4**
% daripada KNK	**16.4**	**17.2**
Akaun kewangan	-42.0	-
Kesilapan dan ketinggalan antaranya:	-23.0	-
Pengurangan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*-15.5*	-
Imbangan keseluruhan	**12.8**	**-**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Lebihan akaun semasa dijangka kekal besar, disokong oleh imbangan perdagangan yang kukuh. Aliran masuk FDI dijangka meningkat, hasil permintaan yang lebih mantap berikutan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi serta pelaburan dalam industri baru. Pelaburan ke luar negara oleh syarikat Malaysia juga diramal meningkat pada tahun 2006, mencerminkan minat syarikat yang bertambah untuk mempelbagaikan operasi ke luar negara.

perdagangan yang lebih besar. Pertumbuhan eksport komoditi juga dijangka dikekalkan oleh harga yang tinggi. Dalam akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang stabil akan turut memperkukuh keseluruhan imbangan pembayaran.

Pertumbuhan **eksport barangan perkilangan** dijangka menjadi kukuh kepada 12% pada tahun 2006 (2005: 10.1%) kerana sektor E&E mendapat manfaat daripada peningkatan dalam industri separa konduktor global. Eksport E&E akan disokong oleh permintaan global yang kukuh terhadap komputer, terutamanya komputer mudah alih dengan fungsi tanpa wayar, dan juga jangkaan peningkatan dalam permintaan separa konduktor hasil daripada aplikasi cip yang lebih meluas dalam pelbagai segmen. Pada masa yang sama, eksport keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kimia, getah dan petroleum juga dijangka menggalakkan, dan akan berkembang pada kadar yang kukuh kerana permintaan global yang mantap dan harga yang lebih tinggi sejajar dengan jangkaan peningkatan harga komoditi pada tahun 2006.

Kenaikan harga komoditi juga dicerminkan oleh pendapatan eksport yang lebih tinggi daripada **komoditi pertanian** yang dijangka mencatat pertumbuhan dua angka iaitu sebanyak 10.5% pada tahun 2006 (2005: 3.4%). Perolehan daripada eksport minyak sawit dijangka meningkat 6.3%

(2005: -5.3%) dalam suasana harga eksport yang lebih tinggi, iaitu pada RM1,550 setan pada tahun 2006 (2005: RM1,456 setan). Kenaikan harga akan didorong terutamanya oleh permintaan, disokong pula oleh permintaan global yang lebih tinggi, khususnya daripada pengguna baru untuk biodiesel berasaskan sawit serta daripada pembeli tradisi. Pasaran juga cergas berikutan laporan bahawa RR China akan meningkatkan pembelian pada tahun 2006, berikutan pemansuhan kuota import atas minyak sawit dan penyeragaman struktur duti import untuk semua minyak yang boleh dimakan bermula pada 1 Januari 2006. Pertumbuhan eksport getah juga dijangka kukuh lagi sebanyak 21.6% (2005: 11.3%) dengan mendapat manfaat daripada kenaikan harga getah (620 sen sekilogram; 2005: 513 sen sekilogram). Prospek bagi harga getah yang teguh pada tahun 2006 lahir daripada jangkaan bahawa permintaan akan terus mantap, khususnya dari RR China; kekangan pengeluaran getah asli dunia; dan kesan harga minyak mentah yang tinggi atas harga getah tiruan, yang merupakan keluaran petrokimia. Bagi dua bulan pertama tahun 2006, harga getah SMR20 meningkat 46.2% kepada purata 683 sen sekilogram.

Jadual 3.5
Eksport dan Import

	2005*a*	2006*r*
	RM bilion	
Eksport kasar	**533.8**	**600.6**
(% perubahan tahunan)	***11.0***	***12.5***
Barangan perkilangan	**429.9**	**481.4**
(% perubahan tahunan)	*10.1*	*12.0*
antaranya:		
Elektronik	208.2	235.1
(% perubahan tahunan)	*10.4*	*12.9*
Barangan elektrikal	74.5	84.7
(% perubahan tahunan)	*8.9*	*13.6*
Kimia dan keluaran kimia	29.7	32.6
(% perubahan tahunan)	*7.0*	*9.6*
Mineral	**52.3**	**62.0**
(% perubahan tahunan)	*27.1*	*18.6*
Pertanian	**37.4**	**41.3**
(% perubahan tahunan)	*3.4*	*10.5*
Import kasar	**434.0**	**492.3**
(% perubahan tahunan)	***8.5***	***13.4***
Barangan modal	**60.7**	**67.7**
(% perubahan tahunan)	*9.5*	*11.5*
Barangan pengantara	**308.3**	**351.8**
(% perubahan tahunan)	*7.2*	*14.1*
Barangan penggunaan	**24.6**	**26.1**
(% perubahan tahunan)	*5.9*	*6.0*

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Eksport mineral dijangka terus berkembang sebanyak 18.6% hasil perolehan yang lebih tinggi daripada minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas asli cecair (LNG). Peningkatan ini akan disokong oleh harga lebih tinggi serta pertambahan dalam kuantiti yang dieksport, sejajar dengan jangkaan peningkatan pengeluaran komoditi ini. Bagi tahun 2006 secara keseluruhan, harga eksport minyak mentah Malaysia dijangka berada pada purata yang lebih tinggi, iaitu USD62 setong (2005: USD55.93 setong) atau kenaikan 10.9% daripada paras harga tahun 2005. Pada dua bulan pertama tahun 2006, harga *Tapis Blend* Malaysia berpurata USD65.40. Harga minyak mentah akan terus dipengaruhi oleh faktor asas memandangkan jurang antara penawaran dan permintaan global semakin kecil berikutan keadaan prospek pertumbuhan global yang bertambah baik. Sentimen terhadap harga minyak akan juga dipengaruhi oleh faktor geopolitik yang mungkin menggugat bekalan global. Sejajar dengan jangkaan harga tenaga yang lebih tinggi di pasaran global, harga eksport LNG juga dijangka meningkat lagi kepada RM1,120 setan (2005: RM947 setan). Dalam senario harga yang meningkat, dan kenaikan dalam permintaan, khususnya dari RR China, India dan Amerika Syarikat, eksport LNG dijangka naik 24.6%.

Pertumbuhan **import** (13.4%) dijangka terhasil daripada import barangan pengantara yang lebih tinggi, sejajar dengan unjuran pengeluaran dan eksport sektor perkilangan yang lebih kukuh, terutamanya segmen elektrik dan elektronik. Import barangan modal dijangka bertambah kukuh (11.5%) seiring dengan pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Import barangan modal bagi industri perkhidmatan yang meningkat dijangka diterajui oleh peningkatan kapasiti rangkaian syarikat telekomunikasi dan pengembangan aktiviti pelaburan oleh syarikat penerbangan dan perkapalan. Peningkatan aktiviti cari gali dan pengeluaran dalam industri minyak dan gas berikutan penemuan medan minyak baru juga akan menghasilkan peningkatan import barangan modal.

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka kekal pada 2% daripada KNK. Aliran keluar dalam akaun pengangkutan dijangka lebih besar, sejajar dengan jumlah perdagangan yang lebih tinggi. Sementara itu, perolehan daripada pelancongan dijangka kekal menjadi penyumbang terbesar kepada perolehan perkhidmatan. Defisit akaun perkhidmatan lain yang bertambah baik dijangka disebabkan oleh eksport perkhidmatan komunikasi, perniagaan dan komputer dan maklumat. Perolehan yang lebih tinggi daripada perkhidmatan komputer dan maklumat adalah selari dengan trend

meningkat dalam aktiviti penggunaan sumber luar, peruntukan kumpulan sokongan dan perkhidmatan pemprosesan *back-office*.

Defisit **akaun pendapatan** diunjur kekal pada 4.6% daripada KNK. Defisit ini disebabkan oleh keuntungan dan dividen terakru yang lebih tinggi bagi pelaburan syarikat multinasional (MNC) di Malaysia. Ini selari dengan prestasi kukuh eksport industri elektrik dan elektronik serta industri minyak dan gas. Keuntungan dan dividen terakru bagi syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri juga dijangka meningkat. Syarikat Malaysia yang melabur dalam sektor minyak dan gas, perladangan, infrastruktur dan utiliti dijangka memberi sumbangan yang lebih tinggi kepada aliran masuk pendapatan.

Akaun kewangan dijangka bertambah baik hasil daripada aliran masuk modal jangka panjang, khususnya pelaburan langsung asing (FDI). FDI dijangka meningkat, dengan bahagian yang besar masih dalam bentuk pelaburan semula oleh MNC yang beroperasi di Malaysia. Berikutan paras FDI lebih tinggi yang diluluskan oleh MITI pada tahun 2005 (RM17.9 bilion; 2004: RM13.1 bilion), terutamanya dari Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura, FDI dalam sektor perkilangan dijangka meningkat dengan pelaksanaan projek, terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti elektrik dan elektronik peringkat lebih tinggi. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan juga dijangka kekal tinggi, disokong oleh liberalisasi yang berterusan dan kemasukan peserta baru dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, serta pengembangan operasi dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Sektor minyak dan gas pula akan terus menerima aliran masuk modal yang besar, terutamanya bagi aktiviti cari gali dan pengeluaran, berikutan penemuan beberapa medan minyak baru.

Pelaburan di luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka terus bertambah pada tahun 2006 didorong oleh usaha syarikat untuk mempelbagaikan kegiatan dan meletakkan diri mereka di peringkat global bagi melahirkan sinergi lebih tinggi terhadap aktiviti korporat mereka. Pelaburan ini akan terus bersifat menyeluruh dan disalurkan ke sektor minyak dan gas, perkilangan, utiliti, pembinaan dan perkhidmatan.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2006

Pada tahun 2006, dasar monetari akan terus menekankan pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran harga yang stabil. Oleh itu, teras dasar makroekonomi adalah untuk menyediakan persekitaran yang menyokong supaya aktiviti ekonomi berada pada tahap yang mapan dalam jangka masa sederhana.

Prospek pertumbuhan ekonomi di peringkat global dan serantau dijangka kekal cerah meskipun harga minyak dan komoditi adalah tinggi. Ini akan dimantapkan lagi oleh pengukuhan kitaran elektronik global yang meningkat. Impak pengembangan daripada sektor luar negeri terhadap ekonomi Malaysia dijangka terus padu. Berdasarkan momentum yang dicapai pada separuh kedua tahun 2005, pertumbuhan KDNK dijangka terus meningkat pada tahun 2006. Prestasi eksport yang lebih kukuh akan dapat mengekalkan penggunaan dalam negeri dengan pesat, sementara keadaan permintaan luar dan dalam negeri yang memberangsangkan akan terus mendorong peningkatan aktiviti pelaburan.

Dalam keadaan ekonomi yang bersedia untuk mencatat prestasi yang mantap, cabaran utama dasar monetari pada tahun 2006 adalah untuk memastikan jangkaan inflasi terkawal dengan baik dan keadaan pembiayaan menyokong aktiviti pelaburan. Prospek inflasi bergantung kepada beberapa faktor luar dan dalam negeri. Di peringkat antarabangsa, hala tuju harga minyak antarabangsa akan terus diberi perhatian utama. Setakat ini, subsidi bagi bahan api dan produk tenaga telah sedikit sebanyak melindungi ekonomi negara daripada impak keseluruhan kejutan harga minyak global. Walaupun tidak akan ada lagi kenaikan harga bahan api pada tahun ini berikutan pelarasan harga bahan api yang dilaksanakan baru-baru ini, masih wujud sedikit ketidakpastian mengenai magnitud impak pusingan kedua terhadap paras harga am. Paras harga minyak antarabangsa yang terus tinggi mungkin memberi tekanan kepada kos input pengeluar dalam negeri. Walau bagaimanapun, faktor seperti penambahan kapasiti dan produktiviti sektor perniagaan yang terus bertambah baik, serta persaingan yang berterusan di kalangan firma dijangka dapat mengurangkan sedikit tekanan inflasi. Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, tekanan inflasi di Malaysia dijangka kekal terkawal, dengan unjuran kadar inflasi purata antara 3.5% hingga 4.0% pada tahun 2006.

Bagi menyelaras keadaan monetari kepada persekitaran semasa, OPR dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.25 peratus pada 22 Februari 2006. Bank Negara Malaysia akan terus melaksanakan dasar monetari dengan cara yang akan mengimbangi keperluan untuk membendung jangkaan inflasi sambil terus menyokong pertumbuhan. Justeru, dasar monetari akan bertindak balas terhadap perkembangan baru, di dalam mahu pun di luar negeri, yang memberi implikasi terhadap prospek kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mapan dalam jangka masa sederhana.

Peralihan rejim kadar pertukaran kepada rejim apungan terurus tidak mengubah rangka kerja atau operasi dasar monetari. Dasar monetari terus menumpukan perhatian pada keadaan dalam negeri dengan OPR sebagai mekanisme isyarat bagi mencapai matlamat dasar. Oleh itu, kadar faedah tidak akan digunakan sebagai instrumen untuk mempengaruhi aliran modal atau kadar pertukaran. Meskipun operasi campur tangan dua hala digunakan untuk menangani volatiliti kadar pertukaran dan pergerakan kadar pertukaran yang melampau ekoran aliran modal yang besar, Bank Negara Malaysia akan membiarkan kadar pertukaran ringgit ditentukan oleh asas-asas ekonomi dan keadaan pasaran. Ini sejajar dengan matlamat dasar kadar pertukaran yang dinyatakan, iaitu memastikan supaya ringgit tidak terlebih nilai atau terkurang nilai secara berterusan.

Seperti pada tahun 2005, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) dijadualkan bermesyuarat lapan kali pada tahun 2006, dengan pilihan untuk mengadakan mesyuarat tambahan apabila perlu. Kalendar mesyuarat MPC, bersama-sama dengan jadual penyiaran Pernyataan Dasar Monetari, disiarkan di laman web Bank Negara Malaysia pada bulan Disember 2005. Bank Negara Malaysia akan terus mengambil inisiatif tambahan pada tahun 2006 untuk mempertingkatkan komunikasi dalam penggalakan pemahaman lebih mendalam terhadap objektif, proses, dan pelaksanaan dasar monetari.

Jadual 3.6
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		% perubahan	
	2005*p*	2006*B*	2005*p*	2006*B*
Hasil	106.3	114.6[1]	6.9	7.8
Perbelanjaan mengurus	97.7	101.2	7.1	3.6
Akaun semasa	**8.6**	**13.3**		
Perbelanjaan pembangunan kasar	30.5	33.5	5.8	9.7
Terimaan balik pinjaman	3.3	0.7		
Imbangan keseluruhan	**-18.7**	**-19.4**		
(% daripada KDNK)	**-3.8**	**-3.6**		

[1] Termasuk kehilangan hasil bersih sebanyak RM1 bilion daripada cukai yang diperkenalkan dalam Bajet 2006.
a Awalan
B Bajet
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2006

Bajet Tahunan 2006 ialah Bajet tahunan pertama bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-10). Oleh itu dasar fiskal tahun 2006 akan tertumpu pada usaha

Langkah-langkah Penting yang Diumumkan dalam Bajet Tahun 2006

Strategi Pertama: Melaksanakan Langkah Proaktif Kerajaan ke arah Memesatkan Kegiatan Ekonomi	
Bidang dasar	**Langkah-langkah**
Memperbaiki lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam dan perolehan Kerajaan	• Membenarkan badan berkanun berautonomi kewangan untuk menentukan skim perkhidmatan mereka sendiri. • Mempercepat pengeluaran visa, terutamanya untuk pekerja berpengetahuan dan profesional dalam bidang ICT dan perkhidmatan kewangan. • Memperluaskan penggunaan ICT untuk memudahkan urusan antara orang ramai dengan kerajaan. • Memperkenalkan kaedah baru sistem perolehan Kerajaan dalam usaha mengurangkan kos, mempertingkatkan ketelusan dan memastikan nilai berpatutan.
Strategi Kedua: Menyediakan Persekitaran Mesra Perniagaan	
Mengurangkan kos kendalian perniagaan	• Menyediakan pelepasan berkelompok bagi semua syarikat pemastautin yang ditubuhkan di Malaysia. • Membenarkan kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap semasa tempoh perintis dibawa ke hadapan. • Menganggap pendapatan syarikat induk pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia sebagai pendapatan perniagaan. • Membenarkan anggaran kerugian daripada projek perumahan kos rendah diimbangi oleh anggaran keuntungan daripada projek pembangunan harta tanah yang lain.

Strategi Kedua: Menyediakan Persekitaran Mesra Perniagaan	
Bidang dasar	**Langkah-langkah**
Memantapkan pasaran modal	• Pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah bagi penyatuan dan pengambilalihan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. • Membenarkan potongan cukai atas perbelanjaan perundangan, penilaian dan perunding bagi penubuhan Amanah Pelaburan Hartanah. • Membenarkan potongan cukai bagi diskaun pada asas akruan sehingga kematangan bon untuk bon yang diterbitkan oleh syarikat.
Memodenkan sektor pertanian	• Menambah Tabung untuk Makanan sebanyak RM300 juta. • Menubuhkan syarikat baru untuk membangunkan perladangan hutan secara komersial. • Khazanah Nasional akan menubuhkan Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional dengan modal sebanyak RM500 juta.
Membangunkan sektor ICT dan bioteknologi	• Menubuhkan Dana Modal Sains Hayat Malaysia, dengan RM100 juta daripada Kerajaan. • Memperkenalkan insentif cukai kepada syarikat yang layak yang beroperasi di luar MSC.
Lain-lain	• Pengurangan 50% duti setem yang dikenakan atas pinjaman sehingga RM1 juta yang diambil oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS). • Bank PKS akan menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM1 bilion untuk membiayai PKS.
Strategi Ketiga: Membangunkan Modal Insan	
Mempertingkatkan pembangunan modal insan	• Pelepasan cukai secara automatik bagi setiap anak yang sedang menuntut di institut pengajian tinggi tempatan atau yang diiktiraf. • Memperkenalkan pelepasan cukai kepada anak kurang upaya yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi. • Memperluas skop pelepasan cukai individu sebanyak RM5,000 kepada pengajian profesional, perakaunan dan undang-undang. • Membenarkan potongan cukai atas perbelanjaan pembangunan dan kepatuhan keperluan peraturan dalam memperkenalkan kursus baru oleh IPTS. • Potongan cukai dua kali kepada syarikat awam tersenarai yang membayar elaun kepada peserta di bawah program Latihan Siswazah Menganggur.
Strategi Keempat: Meningkatkan Kesejahteraan Dan Kualiti Hidup Rakyat	
Meringankan beban kewangan Rakyat	• Pengurangan cukai jalan sebanyak 40% bagi kenderaan diesel persendirian yang melebihi 1,600 cc, kecuali di Sarawak.
Lain-lain	• Membenarkan suami dan isteri menuntut satu harta tanah setiap seorang bagi pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah. • Menambah kadar cukai atas minuman keras dan rokok. • Memperkenalkan insentif cukai kepada syarikat yang membekalkan perkhidmatan penjimatan tenaga.

menjana pertumbuhan yang lebih berkualiti dalam tempoh terdekat bagi menyediakan asas yang kukuh kepada pertumbuhan mapan jangka panjang. Bajet Tahun 2006 mengetengahkan pelbagai langkah bagi meningkatkan daya tahan negara dan keupayaan untuk memenuhi kemunculan cabaran luaran, berikutan peningkatan harga minyak, kadar faedah global yang lebih tinggi dan persaingan global yang semakin sengit.

Unjuran Bajet Tahun 2006 secara keseluruhannya sejajar dengan pendirian fiskal berhemat Kerajaan. Dengan ekonomi mengekalkan momentum pertumbuhannya, kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka lebih kukuh pada tahun 2006. Defisit fiskal yang disasarkan terus berkurang kepada RM18.4 bilion atau 3.5% daripada KDNK berbanding dengan 3.8% pada tahun 2005. Di samping itu, selepas mengambil kira potensi kehilangan hasil bersih sebanyak RM1 bilion berikutan langkah-langkah percukaian yang diperkenalkan dalam Bajet Tahun 2006, defisit fiskal dianggar mencapai RM19.4 bilion atau 3.6% daripada KDNK.

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk simpanan, luar jangka) diperuntukkan pada RM134.7 bilion, iaitu pertambahan sederhana sebanyak 5% daripada perbelanjaan sebenar 2005 (2005: +6.8%). Dari segi perbelanjaan pembangunan, perhatian khusus telah diberikan kepada sektor ekonomi dan sosial dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara kawasan luar bandar dengan bandar. Di samping meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah untuk merangsang pelaburan swasta, termasuk meningkatkan persekitaran mesra perniagaan melalui pelbagai langkah cukai dan bukan cukai untuk meningkatkan daya saing perniagaan; mempelbagaikan sumber pertumbuhan dalam bidang baru yang mempunyai potensi pertumbuhan ekonomi yang tinggi; menguatkan pembangunan modal insan; membangunkan lagi pasaran modal serta memperkukuh pembangunan perusahaan kecil dan sederhana. Langkah-langkah penting yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2006 diringkaskan dalam rencana khas.

Matlamat utama dasar fiskal Kerajaan adalah untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan kekal kukuh dan mapan bagi jangka sederhana. Fokus utama adalah untuk mengekalkan defisit fiskal pada tahap yang wajar yang dengannya keseimbangan antara usaha mengekalkan pertumbuhan ekonomi dengan usaha memelihara kemapanan fiskal jangka panjang dapat dicapai.

DASAR SEKTOR KEWANGAN PADA TAHUN 2006

Berlatarbelakangkan perubahan dan perkembangan berterusan yang mencorakkan landskap kewangan dan cabaran yang wujud ekoran liberalisasi ekonomi dan kewangan, teras dasar sektor kewangan pada tahun 2006 akan terus tertumpu pada pengukuhan peranan, kapasiti dan sumbangan sektor kewangan dalam transformasi ekonomi, dan dengan itu merealisasikan strategi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan jayanya. Khususnya, dasar akan tertumpu ke arah memelihara kestabilan yang telah dapat dikekalkan dalam tahun-tahun sebelumnya dengan mengukuhkan lagi daya tahan dan daya saing keinstitusian dan sistemik, mengekalkan infrastruktur kewangan yang cekap dan berkesan, dan menggalakkan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif, yang merangsang sistem kewangan yang progresif, dinamik dan berdaya tahan. Usaha ini akan dilengkapi oleh inisiatif pendidikan pengguna dan rangka kerja perlindungan pengguna yang berterusan supaya pengguna sentiasa mempunyai maklumat yang cukup dan berupaya membuat keputusan, di samping memastikan urus niaga kewangan yang adil dan saksama dalam persekitaran sosioekonomi yang stabil. Tidak kurang pentingnya ialah penekanan akan terus diberikan untuk meningkatkan lagi kecekapan pelbagai segmen ekonomi mengakses pembiayaan, bagi membolehkan mereka menyumbang dengan berkesan ke arah pembangunan dan transformasi ekonomi, terutamanya dalam suasana perubahan struktur yang sedang berlangsung dalam ekonomi negara.

Dengan Pelan Induk Sektor Kewangan kini dalam fasa kedua, bank asing yang diperbadankan di negara ini (*locally-incorporated foreign bank* atau LIFB) dijangka menjadi lebih bersepadu dengan ekonomi negara dalam memenuhi keperluan perbankan yang meningkat. Kefleksibelan operasi yang diberi kepada LIFB melalui penubuhan cawangan tambahan akan mempertingkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan kepada segmen masyarakat yang lebih besar, termasuk mereka di kawasan luar bandar. Kefleksibelan operasi ini juga akan membolehkan LIFB lebih memahami keperluan pelbagai segmen ekonomi, justeru membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih langsung dalam pembangunan ekonomi. Pada masa yang sama, rangkaian LIFB yang diperkembangkan juga akan menyediakan orang ramai dengan pelbagai produk dan perkhidmatan yang lebih meluas. Bank Negara Malaysia akan terus memantau sumbangan dan keberkesanan LIFB selaras dengan pembukaan cawangan tambahan tersebut.

Sementara kemajuan dalam pembangunan kapasiti dan keupayaan amat menggalakkan sehingga kini, pembangunan sekumpulan kakitangan yang berbakat dan berkemahiran terus diberi keutamaan. Dengan kadar perubahan sektor kewangan yang semakin pantas, dan permintaan yang semakin meningkat terhadap instrumen kewangan yang terbeza dan lebih kompleks oleh ekonomi, keperluan terhadap sumber manusia yang berpengetahuan dan cekap dalam sektor kewangan menjadi lebih kritikal, bukan sahaja sekadar memenuhi permintaan tersebut bahkan untuk memastikan ketersediaan bakat terbaik dan ahli profesional berkaliber tinggi bagi memajukan industri perbankan. Pelaburan dalam pembangunan bakat akan mewujudkan nilai dan meningkatkan prestasi sesebuah institusi. Sementara terdapat kekurangan dalam bakat tersebut di Malaysia berikutan kadar pembangunan yang pesat, sistem dan pasaran kewangan yang lebih maju di dunia telah mewujudkan kepakaran dalam pelbagai aspek operasi perbankan. Bagi membolehkan industri perbankan di Malaysia menarik bakat asing tersebut untuk mengukuhkan industri domestik dan memupuk keupayaan domestik, terutama dalam sektor yang baru, kajian semula sedang dilaksanakan untuk memberi, antara lainnya, lebih kefleksibelan kepada institusi perbankan dalam pengambilan kakitangan yang mempunyai kepakaran seumpama itu.

Kemunculan bank pelaburan dijangka merintis jalan bagi pembangunan dan kematangan pasaran modal Malaysia seterusnya. Meskipun perkembangan ini akan membuka peluang perniagaan yang baru, khususnya aktiviti merentas sempadan, risiko dan cabaran baru juga dijangka muncul. Berdasarkan ciri aktiviti perbankan pelaburan, usaha pada tahun 2005 telah ditumpukan ke arah penyeragaman peraturan dan menyediakan mekanisme bagi penyelarasan dan kerjasama pengawalseliaan antara Bank Negara Malaysia dengan Suruhanjaya Sekuriti, untuk mengelakkan pertindihan fungsi dan memastikan konsistensi dasar dan peraturan bagi bank pelaburan. Memandangkan usaha ini telah disempurnakan, maka dasar pada tahun 2006 akan tertumpu pada usaha untuk melaksanakan rangka kerja bank pelaburan. Selain bank saudagar yang sedang beroperasi, peserta baru akan muncul ekoran transformasi broker universal dan syarikat diskaun kepada bank pelaburan. Penekanan akan diberikan terhadap menilai kekukuhan dan kemampuan peserta baru tersebut. Berdasarkan keperluan yang ketat yang perlu dipatuhi bank pelaburan, pemeriksaan usaha wajar akan dijalankan terhadap bakal peserta itu dengan matlamat untuk memastikan mereka memiliki prasyarat untuk memikul peranan baru masing-masing. Selain daya saing yang semakin sengit, kemasukan peserta baru ke dalam industri juga dijangka akan meningkatkan mobiliti kakitangan, dan oleh itu, perlunya pembangunan sumber manusia yang berterusan. Sementara itu, penyepaduan aktiviti perbankan dan pasaran modal di bawah satu entiti tunggal akan melibatkan risiko yang lebih meluas, yang perlu disatukan dan diuruskan sebaiknya bagi memastikan daya tahan, kemantapan dan kestabilan sektor kewangan.

Memelihara kemantapan dan kestabilan sistem perbankan terus menjadi agenda utama Bank Negara Malaysia, bukan sahaja bagi pembangunan sektor ini, tetapi juga untuk menggalakkan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang mapan dan kemakmuran negara. Pada tahun 2005, penekanan yang lebih tinggi diberikan bagi menggalakkan amalan pengurusan risiko dan piawaian tadbir urus korporat yang mantap dalam industri perbankan. Manakala usaha ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2006, perhatian akan lebih ditumpukan pada pengukuhan kapasiti keinstitusian peserta pasaran bagi menghadapi sebarang kemungkinan kejutan kewangan atau ketidakseimbangan makroekonomi, dan untuk mempunyai ketangkasan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Untuk tujuan ini, satu kaji selidik dijalankan pada tahun 2005 untuk menilai tahap kesediaan institusi perbankan untuk menghadapi kecemasan dan gangguan yang di luar dugaan terhadap operasi mereka. Maklum balas dan maklumat yang dikumpulkan daripada kaji selidik ini berguna dan akan digunakan sebagai input dalam perumusan garis panduan mengenai pengurusan kesinambungan perniagaan bagi sektor perbankan, yang bakal dikeluarkan pada tahun 2006. Garis panduan ini bertujuan memberi penekanan akan pentingannya pengurusan kesinambungan perniagaan yang baik dan memastikan institusi perbankan dilengkapi dengan keupayaan pemulihan perniagaan, yang diperlukan untuk meneruskan fungsi-fungsi perniagaannya yang penting dengan segera atau serta-merta seandainya berlaku gangguan yang besar.

Dalam persekitaran yang sentiasa berubah, tanggungjawab mengekalkan kestabilan sistem kewangan tidak lagi merupakan tanggungjawab Bank Negara Malaysia sahaja. Industri perbankan, bersama-sama dengan pelanggan dan pemegang sahamnya serta pihak berkepentingan lain turut bertanggungjawab atas tindakan mereka dan berkongsi tugas untuk mengekalkan kestabilan sistem secara keseluruhannya. Bagi mencapai matlamat ini, Bank Negara Malaysia telah menyempurnakan kajian semula dasar pemegangan saham yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2006. Dasar ini bertujuan meluaskan peranan pemegang saham dalam mengawasi prestasi dan tingkah laku institusi mereka dan keberkesanan pihak pengurusan dalam menjalankan perniagaan dengan bertanggungjawab,

cekap dan profesional. Dengan penyertaan pelabur keinstitusian yang lebih giat dalam sektor perbankan, ia dijangka menyumbang ke arah kemajuan dalam aspek-aspek ini dalam institusi perbankan tersebut.

Usaha perundingan dan kerjasama dengan industri perbankan akan dipertingkatkan dengan semakin hampirnya tarikh pelaksanaan Basel Capital Accord yang baru (Basel II). Ini bagi membolehkan pengawal selia dan juga institusi perbankan mengenal pasti dan membincangkan isu-isu penting dan memantau proses persediaan bagi memastikan pelaksanaan Basel II berjalan lancar. Maklum balas daripada perundingan akan digunakan sebagai input dalam kertas konsep bagi Basel II. Memandangkan keperluan Basel II yang rumit dan meluas, satu siri kertas konsep akan dikeluarkan dengan kertas konsep pertama yang menyentuh berhubung dengan kaedah pendekatan asas bagi risiko kredit dan operasi.

Malaysia tetap komited ke arah kesejajaran amalan perakaunannya dengan piawaian antarabangsa melalui penerimapakaian Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards atau FRS) baru dan yang disemak. Yang ketara ialah FRS 139 yang bakal dikuatkuasakan yang menetapkan peraturan perakaunan baru mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pengelasan instrumen kewangan dalam penyata kewangan, peraturan mengenai kaedah penjejasan aset dan peruntukan, dan keperluan baru bagi penggunaan perakaunan perlindungan nilai. Penerimapakaian FRS139 akan melibatkan banyak pertimbangan dan penganggaran, sistem dan prosedur yang kompleks, dan pergantungan pada model penilaian dalaman oleh institusi perbankan, khususnya untuk peruntukan dan pengukuran instrumen kewangan. Oleh itu, keupayaan institusi perbankan melaksanakan FRS 139 bergantung pada keupayaan dalaman dan ketersediaan infrastruktur masing-masing, bagi memastikan penyata kewangan mereka bukan sahaja terus memberikan gambaran yang benar dan adil, tetapi juga boleh dipercayai untuk digunakan dalam konteks penilaian pengawalseliaan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan satu garis panduan yang menggariskan keupayaan dan pengharapan penting yang mesti dipenuhi oleh institusi perbankan sebelum pelaksanaan FRS 139. Skop pengharapan pengawalseliaan termasuk keperluan yang berkaitan dengan semakan kredit dan peruntukan penjejasan nilai bagi pelaksanaan keperluan peruntukan yang efektif dalam institusi perbankan, pengiktirafan dan pembatalan pengiktirafan perjanjian jual dan beli balik (sell and buy back agreement) dan pembiayaan yang dijual dengan rekursa di bawah kontrak Islam, dan opsyen nilai saksama bagi instrumen kewangan.

Pemantauan yang berterusan dan menyeluruh amat penting untuk memastikan pengenalpastian dan penilaian kelemahan dan kerapuhan sistem kewangan dengan tepat dan menepati masa. Memandangkan kesalinghubungan yang rapat antara sektor perbankan dengan ekonomi, pendekatan dan skop pengawasan oleh penyelia pada tahun-tahun kebelakangan ini telah diperluas bagi meliputi pemantauan secara makro dan mikro, dan penilaian penunjuk keteguhan kewangan. Pada peringkat makro, inisiatif akan tertumpu ke arah mempertingkatkan skop dan kedalaman rangka kerja pengawasan dengan mengguna pakai lebih banyak instrumen yang bersifat ke hadapan untuk memantau persekitaran kewangan dan ekonomi. Ini melibatkan pengasimilasian perkembangan dalam pelbagai komponen ekonomi dan pasaran kewangan dengan sektor perbankan dan menilai implikasinya. Satu perkara yang banyak diberi perhatian baru-baru ini ialah peningkatan pendedahan sektor perbankan kepada sektor isi rumah dan tahap keberhutangan isi rumah yang meningkat dengan ketara. Walaupun perkembangan ini masih pada paras berhemat setakat ini, Bank Negara Malaysia akan terus berwaspada bagi memastikan kemapanan sektor isi rumah dan bagi memelihara kestabilan kewangan. Ini termasuk pengenalan langkah-langkah untuk mengukuhkan lagi pengurusan risiko institusi perbankan dalam mengurus pendedahan mereka kepada sektor ini, dan mengelak sektor isi rumah daripada meminjam secara berlebihan. Ini adalah penting untuk memastikan sektor isi rumah terus mampu menyumbang ke arah pengembangan ekonomi yang mapan.

Dengan pengenalan instrumen kewangan baru yang berterusan, tugas memastikan pemantauan yang berkesan oleh penyelia menjadi lebih kompleks dan mencabar. Dalam melangkah ke hadapan, pengawasan yang lebih rapi juga perlu dijalankan pada tahap institusi. Dalam hal ini, rangka kerja ujian tekanan akan dipertingkatkan untuk memastikan keberkesanannya sebagai instrumen dalam menilai daya tahan institusi perbankan terhadap pelbagai jenis kejutan ekonomi dan kewangan. Bukti anekdot menunjukkan bahawa pengetahuan dan pemahaman tentang peristiwa-peristiwa yang membawa kepada krisis dan ketidakstabilan pada masa lampau memberikan maklumat yang amat bernilai kepada para penyelia. Oleh itu, dengan pengesanan awal keterdedahan dan kelemahan yang wujud dalam sesebuah institusi perbankan, campur tangan yang awal dan bersesuaian harus dilaksanakan bagi memelihara kestabilan sistem perbankan.

Struktur kumpulan institusi kewangan yang semakin kompleks memerlukan pendekatan pengawalseliaan

yang lebih holistik untuk membantu penyelia membuat penilaian yang lebih tepat terhadap pendedahan risiko sesebuah konglomerat kewangan dan kecukupan sistem pengurusan risiko pada peringkat kumpulan. Selepas mengambil kira maklum balas daripada industri hasil daripada penerbitan kertas konsep yang pertama, kertas konsep yang kedua berhubung dengan rangka kerja penyeliaan bersepadu konglomerat kewangan akan dikeluarkan pada tahun 2006.

Pada peringkat pengawalseliaan, tumpuan juga akan diberikan untuk memperkukuh keupayaan dan kapasiti penyelia supaya lebih bersedia menghadapi persekitaran yang berubah dan semakin mencabar dalam pasaran kewangan dan ekonomi. Ini penting terutamanya dengan pelaksanaan Basel II dan sejajar dengan langkah Bank Negara Malaysia ke arah menerima pakai rangka kerja pengawalseliaan berasaskan prinsip dengan pertimbangan merupakan satu unsur penting dalam penyeliaan dan penilaian daya tahan sesebuah institusi perbankan. Proses analitis yang rapi di bawah rangka kerja Basel II sememangnya mencabar dari perspektif penyeliaan, terutama dalam membangun maklum balas dan rangka kerja penilaian yang bersesuaian bagi proses ini. Permerhatian pengawalseliaan perlu memastikan bahawa proses analitis dijalankan untuk membantu proses membuat keputusan dan bukan hanya untuk memenuhi harapan pengawalseliaan semata-mata atau memberikan penekanan yang berlebih-lebihan pada pengesahan prosedur kuantitatif dan statistik yang terperinci. Penyelia juga perlu menjalani latihan yang awal dan rapi untuk mempercepat usaha pembinaan kapasiti bagi membolehkan pengenalpastian isu yang relevan apabila menjalankan penilaian pengawalseliaan. Dalam hal ini, pelbagai inisiatif telah diaturkan pada tahun 2006 untuk mempercepat latihan dan pembangunan kemahiran.

Penambahbaikan rangka kerja pendidikan pengguna dan pengukuhan infrastruktur bagi perlindungan pengguna yang lebih baik akan terus menjadi keutamaan bagi mewujudkan sebuah sektor perbankan yang progresif dan bagi memupuk keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks, dan pengharapan yang lebih tinggi terhadap pengguna untuk lebih bertanggungjawab dalam mengurus kewangan mereka, usaha akan terus ditumpukan ke arah peningkatan tahap celik kewangan supaya keputusan yang lebih bermakna dapat dibuat, bersesuaian dengan kehendak dan kapasiti mereka terhadap risiko. Pengguna yang lebih berkeyakinan dan bijak dari segi kewangan akan lebih berupaya untuk mempengaruhi pembekal perkhidmatan kewangan dan mendorong persaingan dan prestasi. Tumpuan penting terus diberikan untuk menggalakkan pendedahan dan ketelusan pada tahap yang lebih tinggi di samping pertambahan dalam kebolehbandingan maklumat dalam sistem kewangan. Dalam hal ini, tugas merumus rangka kerja ketelusan dan pendedahan produk yang lebih menyeluruh akan diperhebat. Secara prinsip, rangka kerja ini bertujuan memberi pengguna maklumat yang mencukupi dan relevan untuk membuat keputusan yang bijak mengenai produk dan perkhidmatan kewangan. Dalam meneruskan usaha untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna, lebih penekanan akan diberikan pada isu-isu yang berkaitan dengan peradaban pasaran bagi memastikan semua pengguna dilayan dengan adil dan saksama. Penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada bulan April 2006 merupakan suatu pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur perlindungan pengguna yang menyeluruh di Malaysia. Memandangkan momentum bagi perbelanjaan isi rumah dan hutang isi rumah dijangka berterusan pada masa hadapan, AKPK akan menjadi saluran penting kepada para individu untuk mendapat perkhidmatan kaunseling kredit, penyusunan semula dan penjelasan hutang, dan memperoleh pendidikan kewangan daripada pakar dan ahli profesional berhubung dengan pengurusan kewangan dan hutang mereka.

[*Sila rujuk rencana mengenai Penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit untuk mendapatkan butir-butirnya*.]

Memastikan operasi sistem pembayaran dalam keadaan selamat dan cekap akan terus menjadi objektif dasar yang penting. Sejak beberapa tahun yang lepas, industri perbankan telah memperkenalkan beberapa sistem pembayaran runcit berasaskan elektronik secara berperingkat-peringkat, menyempurnakan perpindahan kad ATM dan kredit kepada infrastruktur berasaskan cip dan memanfaatkan teknologi seperti alat telekomunikasi mudah alih bagi menyediakan perkhidmatan pembayaran yang lebih selesa. Dengan pencapaian ini, tumpuan dasar pada tahun 2006 adalah ke arah menyediakan persekitaran yang menyokong pengenalan lebih banyak kaedah pembayaran secara elektronik, menggalakkan penggunaan saluran pembayaran rasmi dan menyelaras usaha industri untuk perpindahan kepada pembayaran secara elektronik. Kecekapan pemerosesan cek akan ditingkatkan dengan memanfaatkan teknologi pengimejan untuk memangkas cek, seterusnya mengurangkan pengendalian cek secara fizikal dalam proses penjelasannya. Pada masa yang sama, langkah penambahbaikan perkhidmatan pembayaran elektronik sedia ada akan diambil bagi menggalakkan

penggunaan saluran pembayaran secara elektronik dengan lebih meluas. Untuk menggalakkan penggunaan saluran pembayaran rasmi pula, institusi perbankan akan dibenarkan melantik 'ejen pemungutan' pihak ketiga bagi memudahkan akses kepada perkhidmatan pengiriman wang mereka. Selain itu, institusi bukan bank yang layak akan juga dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang. Dalam menerajui industri untuk menggunakan kaedah pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos, sebuah badan penyelaras akan diwujudkan untuk melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam menggalakkan perpindahan kepada cara pembayaran secara elektronik di peringkat kebangsaan. Di samping itu, usaha akan diteruskan untuk meningkatkan piawaian keselamatan industri dan mewujudkan mekanisme untuk mengurangkan risiko pembayaran dengan berkesan. Dengan pertumbuhan urus niaga e-perbankan, garis panduan perbankan Internet akan disemak bagi memastikan industri menerima pakai amalan terbaik dan memperuntukkan sumber yang mencukupi untuk membanteras jenayah siber dan serangan digital. Selanjutnya, mekanisme penjelasan 'pembayaran semasa pembayaran' (payment versus payment) akan diperkenalkan untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan urus niaga kadar pertukaran asing antara bank, terutama bagi dagangan USD dan RM.

Pada tahun 2006, teras dasar utama bagi sektor perbankan Islam akan terus tertumpu pada pengukuhan daya tahan sistem perbankan Islam dan peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan Islam. Ini adalah sejajar dengan matlamat mempertingkatkan integrasi sektor perbankan Islam domestik dengan landskap kewangan Islam antarabangsa, dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam yang terulung. Rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan Islam akan diperkukuh berikutan pengeluaran piawaian mengenai kecukupan modal dan pengurusan risiko oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. Institusi kewangan Islam dikehendaki mematuhi keperluan baru mulai 1 Januari 2007. Di samping itu, rangka kerja mengenai tadbir urus pemegang akaun pelaburan dan garis panduan semakan mengenai tadbir urus korporat bagi institusi kewangan Islam akan diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia bagi mengukuhkan lagi rangka kerja keinstitusian. Bidang lain yang akan dipertingkatkan termasuk penambahbaikan rangka kerja perundangan dan Syariah, pembangunan produk dan pasaran, dan pembangunan modal insan serta pendidikan pengguna.

Rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan dijangka diperkukuh dengan pembentangan Akta Bank Islam 1983 yang dipinda di Parlimen pada tahun 2006. Usaha juga akan ditumpukan ke arah memenuhi keperluan tenaga kerja melalui penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance atau INCEIF) pada bulan April 2006. Pembangunan bakat merupakan salah satu faktor penting yang dikenal pasti untuk menambah inovasi produk dan perkhidmatan perbankan Islam dan INCEIF dijangka memperluas kumpulan bakat yang diperlukan dalam pasaran kewangan Islam global. Dasar dan inisiatif baru juga akan ditumpukan untuk menjadikan persekitaran perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia lebih sesuai dan mesra pelaburan kepada masyarakat kewangan Islam antarabangsa. Usaha promosi dan pemasaran akan disasarkan untuk menarik dana daripada individu dan syarikat multinasional, khususnya dari negara-negara Islam, untuk menggunakan Malaysia sebagai platform bagi keperluan pelaburan dan pembiayaan mereka.

Teras dasar bagi institusi kewangan pembangunan (IKP) pada tahun 2006 adalah untuk mengukuhkan lagi kapasiti dan keupayaan IKP ke arah memupuk dan membangunkan IKP yang cekap, berkesan dan teguh dalam menyediakan sokongan kewangan dan bukan kewangan kepada sektor ekonomi yang disasarkan. Dengan sempurnanya usaha perasionalan yang melibatkan empat IKP pada tahun 2005, melangkah ke hadapan, inisiatif akan ditumpukan pada peningkatan fungsi dan skop aktiviti IKP dalam memenuhi mandat mereka dan keperluan kewangan dan pembangunan sektor sasaran masing-masing. Ini, antara lain, termasuk pengukuhan kapasiti kewangan IKP di samping memperluas pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan IKP. Untuk tujuan ini, usaha seterusnya akan diambil untuk meningkatkan *outreach* dan keberkesanan khidmat nasihat yang disediakan oleh IKP kepada PKS, terutama melalui kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Satu lagi tumpuan penting ialah penambahbaikan persekitaran pengawalseliaan untuk memudahkan operasi IKP melalui keperluan berhemat dan piawaian pengawalseliaan yang khusus, dan juga meningkatkan kekukuhan kewangan dan amalan pengurusan risiko mereka. Penekanan juga akan diberikan ke arah meningkatkan kecekapan IKP. Dalam hal ini, inisiatif akan diambil untuk merumus rangka kerja pengukuran prestasi yang menyeluruh bagi IKP, yang terdiri daripada penunjuk prestasi kewangan dan bukan kewangan.